

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 30 Jun 2016 11:19
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SECANGKIR KENANGAN DARI SEBERANG



30 JUN 2016 / 25 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SECANGKIR KENANGAN DARI SEBERANG



ANJUNG TAMU ONLINE: Memeriahkan lagi Discover UUM, delegasi Pasundan Universiti, Indonesia yang bersifat kekeluargaan dan mesra tetamu telah berkunjung ke UUM Welcome Centre.

Walaupun bukan dalam skala yang besar jumlahnya, seramai 38 pelajar dan dua profesor namun ia cukup memberi makna bagi kedua belah pihak mendapat manfaatnya.

Ketua Bidang Kerjasama Universiti tersebut, Irma Rachamawati Ma'ruf berkata, “jalinan kerjasama dengan universiti pengurusan terkemuka bakal mengundang transformasi yang jitu”.

Selain itu, untuk memudahkan urusan selanjutnya dengan UUM, delegasi yang hadir diberi taklimat tentang kampus, prasarana dan sejarah oleh Welcome Centre.

“Semoga pelajar gembira dengan suasana baru ini, ia jauh lebih tersusun lagi nyaman”, tambah beliau semasa dibawa melawat persekitaran Welcome Centre.

“Terima kasih tidak terhingga kepada UUM serta Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS yang menyokong kerjasama antarabangsa ini”.

“Sehingga kita berjumpa lagi”, kata Prof. Dr. R. Poppy Yaniawati yang turut serta semasa lawatan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

